

25/06/2003

Abdullah minta ahli Umno kekal semangat bersatu

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu ahli Umno mengekalkan semangat bersatu padu dan sayangkan parti seperti yang ditunjukkan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 minggu lalu, terutama menjelang pilihan raya umum akan datang.

Sambil menyifatkan perhimpunan itu sebagai kejayaan membanggakan, Timbalan Presiden Umno itu berkata, semangat seperti itu dapat memastikan parti terus kuat dan teguh untuk meneruskan perjuangan Umno.

"Perhimpunan Agung Umno itu adalah satu-satunya persidangan kalau dilihat daripada apa yang berlaku tidak pernah terlihat dalam sejarah Umno.

"Semua ini saya harap dapat dikekalkan... dipastikan sentiasa berada pada tahap tinggi semangatnya," katanya pada sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di kementerian itu di sini, semalam.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri diminta mengulas sokongan semua peringkat dalam parti ke atasnya, yang bakal menerajui parti dan negara Oktober ini.

Pada perhimpunan itu, ketiga-tiga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak; Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib menyatakan komitmen tidak akan berebut jawatan Timbalan Presiden Umno apabila Abdullah menjadi Presiden Umno berikutan persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini.

"Saya menghargai segala sokongan yang diberikan kepada saya (oleh ketiga-tiga Naib Presiden) serta kepimpinan parti pada peringkat Majlis Tertinggi Umno, Perhubungan Negeri, bahagian dan cawangan," katanya.

Abdullah juga mahu perwakilan Umno yang menghadiri perhimpunan itu supaya memberikan penjelasan kepada ahli parti di peringkat akar umbi mengenai kejayaan berkenaan.

Beliau juga bangga dengan sambutan di luar dugaan oleh ahli dan penyokong Umno yang membanjiri Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sempena perhimpunan itu.

Katanya, walaupun tidak menjadi perwakilan, ahli jawatankuasa Umno bahagian dan cawangan serta penyokong parti tetap datang.

"Saya tahu keadaan di PWTC menjadi kelam kabut sikit sebab kita tidak sangka begitu ramai yang akan datang. Mereka boleh menonton apa berlaku menerusi televisyen (siaran langsung) tetapi mereka sendiri mahu datang untuk lihat Perdana Menteri memberikan ucapan terakhir.

"Dengan itu, keadaan begitu sesak dan banyak orang mahu masuk tetapi kecewa (tidak dapat masuk)... ada yang sampai marah. Itulah laporan yang saya terima dan saya minta maaf banyak-banyak kerana tidak mampu memastikan semua yang datang dapat masuk," katanya.

Abdullah berkata, bagi mengatasi masalah kesesakan dan ruang di PWTC pada perhimpunan parti akan datang, dewan di bangunan itu akan diperluaskan.

"Pada peringkat ini, kita sedang memikirkan untuk memperluaskan lagi dewan dan mewujudkan ruang yang lebih," katanya sambil menjelaskan perkara itu perlu diperhalusi lagi dari segi kejuruteraan.